


Alzheimer's ialah sejenis penyakit di bahagian otak yang menyebabkan berlakunya komplikasi pada daya ingatan, pemikiran dan tingkah laku seseorang. Ianya bukanlah satu proses normal yang lazimnya dilalui oleh golongan emas.

Situasi seorang pesakit **Alzheimer's** akan menjadi lebih parah apabila keadaan otaknya menjadi semakin kecut. Kesan pertama yang paling ketara adalah apabila seseorang itu mula mengalami masalah ingatan yang serius sehingga menjejaskan aktiviti hariannya.

Menurut pendekatan biopsikososial, hasil interaksi antara faktor biologi, psikologi dan sosial memainkan peranan penting dalam menjelaskan faktor penyebab penyakit Alzheimer's.

Model biopsikososial ini digunakan untuk memahami situasi ini dengan lebih lanjut.

Model biopsikososial



Pendekatan sistematik biopsikososial mempertimbangkan faktor-faktor biologikal, psikologiikal dan sosial serta hubungan interaksi yang kompleks dalam memahami faktor risiko yang menyebabkan AD berlaku.

Alzheimer's Disease Foundation Malaysia (ADFM)

Alzheimer Disease Foundation Malaysia (ADFM) ialah satu organisasi yang tidak berasaskan keuntungan yang ditubuhkan pada tahun 1997 dengan tujuan untuk membantu pesakit demensia dan penjaga mereka. Dengan visi untuk meningkatkan kualiti kehidupan pesakit Demensia dan para penjaga mereka, ADFM membantu banyak kumpulan sokongan di Malaysia dengan memberi sokongan dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukannya. Selain itu, ADFM juga memainkan peranan dalam mewujudkan kesedaran dalam menangani isu demensia serta menyokong komuniti demensia di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.adfm.org.my

IMU Cares


IMU Cares mempunyai prinsip untuk merealisasikan elemen-elemen penting dalam Visi IMU. Hal ini termasuklah untuk mewujudkan golongan profesional yang komited untuk membantu masyarakat, menggalakkan perkembangan pelajar demi mencapai potensi mereka dalam menjadi seorang yang cekap, beretika, penyayang dan berwawasan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.imu.edu.my/imucares

Kerjasama:



No 126, Jalan Jalil Perkasa 19, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur.
Tel:+603-8656 7228 Fax:+603-8656 7229



Alzheimer's : Faktor Risiko



Serving the Community

Faktor biologi:

Usia dan salasiah keluarga merupakan dua faktor risiko yang utama bagi penyakit Alzheimer's.

Neurodegenerasi

Penyakit Alzheimer's berpunca daripada kematian sel-sel saraf di bahagian otak yang dikenali sebagai Hippocampus.

Berbeza dengan proses penuaan yang lazimnya berlaku disebabkan oleh faktor usia, kemerosotan yang berlaku pada peringkat awal Alzheimer's terletak pada bahagian Hippocampus, iaitu bahagian yang memainkan peranan penting dalam proses pembentukan memori.

Semakin banyak sel (neuron) yang mati, bahagian otak yang terjejas juga semakin meluas dan ini akan mengakibatkan otak pesakit Alzheimer's mula mengecut.

Pada peringkat akhir penyakit ini, kerosakan pada bahagian otak akan berleluasa dan sel-sel tisu di otak akan susut dengan ketara.



Pra-klinikal penyakit Alzheimer's



Penyakit Alzheimer's – Tahap minor hingga sederhana



Penyakit Alzheimer's – Tahap kritikal

Faktor psikologi:

Kemurungan

Kemurungan adalah salah satu kondisi yang sering dialami oleh golongan berusia dan ia boleh menjejaskan keadaan minda, fizikal serta emosi mereka.

Antara tanda-tanda kemurungan termasuklah sentiasa berada dalam keadaan sedih, tidak bertenaga, perubahan dalam rutin pemakanan dan polar tidur, sukar memberi tumpuan, hilang minat dalam melakukan hobi serta sukar untuk melakukan aktiviti harian.

Gejala kemurungan boleh menjadi faktor risiko kepada penyakit Alzheimer's kerana tanda-tanda ini sering kali berkait rapat dengan perkembangan penyakit tersebut.

Kajian juga mendapati bahawa golongan berusia yang mempunyai symptom kemurungan mempunyai potensi yang tinggi untuk menghidapi Alzheimer's.



Faktor sosial:

Status Sosioekonomi

Memandangkan status sosioekonomi dan taraf pendidikan mempunyai kaitan antara satu sama lain, risiko untuk menghidap penyakit Alzheimer's bagi mereka yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah adalah lebih tinggi. Hal ini kerana sesi pembelajaran dapat membantu menentang kemerosotan minda seseorang.


Sejarah Perubatan

Kebanyakan faktor kesihatan seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, hiperkolesterolemia, obesity dan homocysteinemia boleh meningkatkan peluang untuk menghidap penyakit Alzheimer's.

Gaya Hidup

Menurut kajian, faktor yang memberi kesan kepada penyakit jantung boleh mendatangkan kesan yang sama pada penyakit Alzheimer's.

Antara faktor tersebut adalah kurang bersenam, obesiti, tabiat merokok atau pendedahan terhadap asap rokok, tekanan darah tinggi, kolestrol, kurang pengawasan terhadap isu diabetes serta diet yang kurang dengan buah-buahan dan sayur-sayuran.



Disediakan oleh:
Chiang Poh Yee, Hausala Dewi, Lai Shiau Yuen
Pelajar psikologi - IMU